

Kembali kepada

© Dr. M.

U.S. 09 AUG 1994

BAHAGIAN PERTAMA

MUKADIMAH: Pengarah Perkhidmatan Maklumat Islam, Dr. Nazir Khaja baru-baru ini melawat Malaysia dan telah menemubual Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pelbagai isu penting.

Perkhidmatan Maklumat Islam yang menerbitkan sebuah rancangan mingguan televisyen berpejabat di Los Angeles, Amerika Syarikat. Sedutan interviu Dr. Khaja dengan Dr. Mahathir itu telah disiarkan di dalam majalah *The Minaret* bagi keluaran Mei/Jun 1994.

DR. KHAJA: Abad ini sudah tiba pada penghujungnya dan kita sedang memasuki abad yang baru. Di mana orang Muslim sekarang dan ke arah mana tujuan mereka?

DR. MAHATHIR: Muslim sebenarnya gagal memenuhi tuntutan yang ditetapkan oleh agama mereka kerana mereka tidak mengamalkan ajaran betul Islam.

Pada mulanya, Islam menggalakkan pembelajaran pelbagai bidang termasuk sains, perubatan, matematik dan fizik dan lain-lain.

Kemudian tiba satu masa apabila satu orang memutuskan bahawa bidang-bidang ini tidak betul dan tidak penting kepada Muslim dan Islam. Sebaliknya, Islam mesti mengongkong dirinya dalam bidang ibadat (*ritual*) dan undang-undang.

Maka, masyarakat mengabaikan warisan saintifik dan profesional. Muslim mula menjadi mundur. Mereka juga kehilangan wilayah-wilayah mereka dan akhirnya tunduk kepada kuasa kolonial Eropah.

Kita masih belum dapat pulih daripada itu sehingga ke hari ini kerana kita terus percaya bahawa mana-mana bidang pengetahuan yang tidak sebenar keagamaan tidak sesuai dengan Islam. Kekurangan pengetahuan telah menghalang kita daripada mencapai pembangunan yang telah diperolehi oleh orang lain.

DR. KHAJA: Apa yang sebenarnya Dr. maksudkan dengan pendidikan? Apakah pendidikan dalam pengertian Al-Quran atau terdapat pengertian pendidikan yang berasingan?

DR. MAHATHIR: Usaha-usaha pendidikan kita dihadkan kepada bidang pengajian ibadat dan kehidupan selepas mati (hari akhirat), dan undang-undang Islam.

Kita tidak mempelajari lebih banyak tentang matematik, sains atau perubatan yang mana dulunya dikuasai oleh banyak cerdik-pandai Islam. Malah, merekalah yang telah merintis bidang-bidang pengajian tersebut.

Dewasa ini, tumpuan kita adalah terhadap bidang-bidang keagamaan. Mereka yang berpengetahuan tentang Islam tidak mahu orang lain belajar bidang-bidang ilmu lain kerana orang

lain itu akan menjadi bebas daripada mereka (yang berpengetahuan tentang Islam).

DR. KHAJA: Apakah Dr. berpendapat bahawa hierarki keagamaan cuba mengekalkan *status quo*?

DR. MAHATHIR: Sebenarnya, bukan semua mereka, tetapi sejumlah besar mereka yang merasakan bahawa pembelajaran perlu dikongkong kepada sains-sains keagamaan sahaja, lain-lain ialah sekular.

Pada hakikatnya, dalam Islam, terdapat lebih banyak *trend* sekular berbanding dengan agama-agama lain.

Sekularisme adalah konsep yang didukung oleh banyak orang Kristian yang mahu memisahkan gereja daripada negara. Dalam Islam, tidak terdapat pemisahan sedemikian.

DR. KHAJA: Agama-agama lain telah melalui tempoh reformasi (pembaharuan) masing-masing. Kita ada Yahudi baru, juga terdapat pembaharuan dalam agama Kristian. Apakah Dr. berpendapat, Islam atau Muslim turut perlukan pembaharuan?

DR. MAHATHIR: Kita perlu kembali kepada ajaran sebenar Islam, bukan pembaharuan, bukan penterjemahan semula ajaran Islam. Kita mesti kembali kepada akar-umbi kita.

Sebelum berlaku perubahan hala tuju, Islam dan Muslim adalah peneroka dalam banyak bidang. Mereka orang yang berpengaruh.

Dimaksudkan

Mereka merombak peta dunia. Itulah masa-masa di mana pembelajaran tidak terhad kepada hak-hak keagamaan dan perundangan sahaja.

DR. KHAJA: Apakah yang dimaksudkan dengan kembali (kepada ajaran Islam?) Muslim bercakap tentang perkara ini untuk 1,400 tahun. Boleh kita bercakap tentang melangkah ke hadapan. Saya tidak bermaksud kita mengetepikan warisan atau sejarah kita, tetapi saya berpendapat, kita perlu memberi pengertian mengenai apa yang kita maksudkan tentang kembali (kepada ajaran Islam) itu.

DR. MAHATHIR: Saya tidak bermaksud kita kembali seperti di tahun 570. Kita tidak diperintah meniru gaya hidup pada masa itu.

Islam berkembang dalam gaya hidup masa itu dan maju dari Semenanjung Arab ke tempat-tempat lain di seluruh dunia kerana orang-orang yang memeluk Islam mempelajari banyak kemahiran baru.

Berikutan pembukaan minda-minda mereka setelah menerima Islam, mereka berubah kepada keadaan yang baru. Orang Arab yang hidup di padang-padang pasir belajar untuk belayar, cara melihat bintang dan matahari untuk menentukan arah dan membuat peralatan-peralatan saintifik.

Dengan kata-kata lain, hasil daripada penerimaan Islam, minda mereka dibebaskan daripada pemikiran konservatif (*kuno/sempit*). Mereka menjadi orang berilmu. Setelah masa berlalu, mereka menjadi orang yang lebih berilmu.

DR. KHAJA: Apakah Dr. merujuk kepa-

da proses yang dimulakan pada awal sejarah manusia. Malah cerdik-pandai Islam mengambil daripada falsafah dan logik Greek. Saya telah membaca beberapa ucapan Dr. tentang Islamisasi (pengislaman). Apakah ia satu proses yang sama di mana kita menterjemah pengetahuan sains moden ke dalam Islam?

DR. MAHATHIR: Nabi s.a.w. menyeru para pengikutnya untuk mencari ilmu sehingga ke China. Negara China pada masa itu bukan negara Islam. Dalam erti lain, Muslim mesti menimba pengetahuan di mana-mana ia boleh diperolehi.

Tidak ada salahnya kita belajar daripada orang Greek atau orang Rome, ataupun dari mana-mana sumber yang lain. Bagaimanapun ilmu itu mesti selaras dengan ajaran Islam.

Inilah sebenarnya sumbangan Islam. Hanya kemudian kita diberitahu bahawa kita tidak boleh meminjam apa-apa daripada orang lain. Kita tidak boleh membaiki dengan apa yang kita sudah pelajari daripada orang lain.

Apa yang kita belajar dari China? Tentunya bukan Islam. Untuk belajar tentang Islam, lebih baik kita duduk di Mekah atau Madinah.

Pergi ke China untuk mencari ilmu bermakna ilmu itu mungkin ilmu Cina. Hari ini, pengetahuan boleh didapati di mana-mana dan kita harus menimbanya.

Kita tidak sepatutnya berkata, "ini tidak ada dalam Islam, kita tidak perlu bersusah-payah untuk belajar tentangnya."

DR. KHAJA: Boleh Dr. huraikan keperluan ummah pada masa sekarang? Bagaimana mereka boleh keluar dari 'lubang' ini?

ajaran sebenar

Semua orang mempunyai tanggungjawab untuk melakukan permulaan ini jikapun akhirnya kita tidak akan ke mana. Jika kita bergerak ke arah satu matlamat tertentu, saya yakin kita akan mencapainya.

Kita harus sedar bahawa Islam pada mulanya sangat demokratik, kita tidak mempunyai sistem pemerintahan turun-temurun. Tetapi pada satu masa, kita menerima sistem ini dan apabila pemerintah turun-temurun itu gagal di dalam amalan pemerintahannya, mereka melakukan tindak-tanduk yang tidak mewakili ajaran Islam. Kita sekarang sudah berpaling jauh daripada sistem asal kerajaan Islam, daripada ajaran Islam. Ini perlu dimaklum dan diperbetulkan supaya akhirnya kita boleh membaiki keadaan tersebut.

DR. KHAJA: Dr. baru sahaja menyebutkan bahawa prinsip demokrasi adalah sebahagian daripada Islam, tetapi jika dilihat di sekeliling kita, di mana Dr. lihat prinsip ini benar-benar berfungsi?

DR. MAHATHIR: Untuk berabad-abad lamanya, kita menerima sistem pemerintahan feodal, dan kita sudah menyesuaikan diri dengan sistem tersebut. Kita telah menerima sistem tersebut, sehinggakan kita beranggapan bahawa adalah salah untuk menentang sistem berkenaan.

Apakah tanggungjawab pemimpin, dan apakah yang sedang mereka lakukan?

DR. MAHATHIR: Ummah dan pemimpin tidak boleh berharap apa-apa jika mereka membenarkan Muslim terus kekurangan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan dan yang akan bergantung kepada orang lain.

Sebagai contoh, kita hilang kebebasan, sekalipun untuk mempertahankan diri, bila kita bergantung kepada bekalan senjata daripada orang lain. Kita bergantung kepada belas ikhsan para pembekal.

Kita tidak melakukan apa yang telah diperintahkan ke atas kita sebagai orang Islam yang sebenar, yang telah disuruh dari awal untuk bersedia mempertahankan diri sendiri. Jika kita tidak boleh mempertahankan diri, kita telah mengabaikan agama kita.

Maka, sehingga ini difahami oleh ummah dan pemimpin, tiada apa yang akan berubah. Kita hendaklah memiliki semua kemahiran, semua pengetahuan supaya kita boleh mempertahankan diri sendiri dan mengekalkan kebebasan kita.

Kerana hanya dengan mengekalkan kebebasan, kita dapat mengamalkan Islam tanpa ditindas dengan pelbagai tekanan dari luar.

DR. KHAJA: Boleh kita berharap kepada satu kerajaan yang benar-benar mewakili aspirasi Ummah dan cerdas-pandainya? Berapa lama kita perlu menunggu?

DR. MAHATHIR: Saya tidak tahu bila ini boleh berlaku, tetapi permulaannya mesti dibuat. Ia mungkin mengambil masa beberapa tahun, ia mungkin beratus-ratus tahun, namun apa-apa yang tidak mempunyai permulaan tidak akan membuat sebarang kemajuan.

Keadaan sulit

Sistem itu sendiri menggunakan alasan-alasan Islam untuk terus kekal.

Kerana sikap dan kepercayaan yang begitu lama dipupuk ini, adalah sukar untuk membuat perubahan terhadap sistem itu, tetapi setelah ilmu berkembang, pembaharuan akan berlaku.

Contohnya, anda boleh dapati bagaimana beberapa puak ekstremis memperalatkan sistem demokrasi untuk mendapatkan kuasa, dan setelah itu, melaksanakan pemerintahan kuku besi caranya sendiri.

DR. KHAJA: Nampaknya kita berhadapan dengan keadaan yang sulit. Kerana kekecewaan, sebahagian Muslim telah bertindak secara ekstrem, sebahagian lagi membuat usaha yang betul dan ikhlas untuk mendapatkan hak politik bagi menentukan sendiri destinasi masing-masing tetapi mereka dikesampingkan sebagai 'fundamentalis'. Maka, dari mana bantuan datang dan bagaimana orang Muslim menangani kesulitan ini?

DR. MAHATHIR: Saya tidak mahu jadi seorang yang pesimis. Saya berpendapat, pada satu-satu peringkat, orang akan membuat tindakan pembetulan. Tetapi di dalam proses untuk membuat tindakan yang betul, terdapat halangan dan sekatan dan akan ada mereka yang menyimpang daripada jalan yang benar.

Bagaimanapun, sudah menjadi tanggungjawab semua untuk membuat tindakan pembetulan. Muslim tidak menyokong keganasan (*terrorism*) dan ekstremisme kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam.

● Bersambung esok.